

DW 2

MENGGALAKKAN PELANCONGAN DESA BERASASKAN KOMUNITI (COMMUNITY-BASED RURAL TOURISM)

DW 2.1: Menaik Taraf *Scaling-up Program Homestay, Kampungstay dan Desastay* bagi Kampung Berdaftar Sedia Ada dan Berpotensi sebagai Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT)

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Program *homestay* yang dilaksanakan oleh MOTAC dengan kerjasama *Tourism Malaysia* untuk membangunkan kampung-kampung berpotensi. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan keupayaan komuniti serta menggalakkan pembangunan modal insan. Paket lawatan dan menjalani pengalaman bersama hos memberi tarikan kepada pelancong luar negara dan dalam negara.
- Menaik taraf program *homestay* sedia ada serta mengenal pasti kampung-kampung yang berpotensi untuk didaftarkan sebagai program *homestay* dan *desastay*.

Komponen Cadangan:

- Mendaftarkan kampung-kampung yang berpotensi bersama pihak MOTAC.
- Mengenal pasti produk *USP* bagi kampung atau disekitarnya untuk menjadi daya tarikan utama.
- Memberi latihan berkaitan CBT dan *ASEAN Standard Homestay Guidelines* kepada peserta-peserta homestay bagi menaik taraf homestay.
- Menaik taraf konsep *homestay* tradisional kepada konsep *kampungstay*.
- Menggalakkan promosi dan pemasaran secara digital untuk menarik pelancong luar negara.
- Menyediakan paket-paket unik mengikut trend semasa pasaran tertentu seperti paket *post-tourism* dan sebagainya.

Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam.

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **17 kampung**.

Daerah	Kampung Luar Bandar
Muar	7
Segamat	5
Tangkak	5
Jumlah	17

AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
• MOTAC	• PBT
• <i>Tourism Johor</i>	• JPKK

ANGGARAN KOS

- Kos Penyelenggaraan *Homestay*, kemudahan dan infrastruktur RM 500,000 bagi setiap kampung dengan jumlah kos = RM 8,500,000.
- Kos Kursus peserta = RM 20,000 ribu per kampung sebanyak 2 kali (mengikut fasa) dengan jumlah kos RM 680,000.
- Kos Papan Tanda arah/Informasi = RM 10,000 per kampung dengan jumlah kos RM 170,000.
- Kos Pemasaran = RM 25,000 ribu per kampung dengan jumlah kos RM 425,000.

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 9,775,000

FASA PELAKSANAAN



Penemuan Strategik

Terdapat lima (5) buah *homestay/desastay* yang berdaftar di bawah MOTAC dan Tourism Johor di Johor Utara namun terdapat kekurangan latihan dari aspek pemasaran dan promosi serta latihan bagi pengendalian program *homestay*.

Antara lima (5) homestay yang berdaftar adalah:


- i. *Homestay* Kampung Lenga, Pagoh, Muar
- ii. *Homestay* Sarang Buaya, Semerah, Muar
- iii. *Homestay* Kampung Parit Bugis, Sri Menanti Muar
- iv. *Homestay* Smilian, Felda Tenang, Labis, Segamat
- v. *Homestay* Kampung Sagil, Tangkak

Cadangan menaik taraf lima (5) kampung *homestay* ini adalah bersesuaian dengan fokus utama pelancongan desa iaitu di dalam mengoptimumkan pelancongan desa berdasarkan komuniti (CBRT).

Melalui penemuan juga terdapat lima (5) kampung yang berpotensi untuk didaftarkan bagi program *homestay*. Terdapat kampung-kampung yang mempunyai produk desa yang boleh dibangunkan sebagai produk pelancongan desa di kawasan tersebut.

Bagi meningkatkan pengalaman *homestay (Breath)*, serta menarik pelancong yang mempunyai pelbagai latar belakang, kepelbagaiannya *kampungstay* perlu diterapkan sebagai pilihan terutama bagi pasaran domestik. Ini juga dapat mengelakkan daripada kemunculan *homestay-homestay* tidak berdaftar, agar pemilik *kampungstay* ini juga dapat mendaftar sebagai peserta di bawah MOTAC.

Rajah 4.23: Rangka naik taraf (*upskilling*) program *homestay* sedia ada dan mendaftarkan kampung berpotensi sebagai kampung *homestay* melalui pembangunan kapasiti komuniti



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021


Program Kursus dan Latihan CBT bagi peningkatan kapasiti komuniti tempatan

Program CBT *Capacity Building* diberikan untuk meningkatkan dan mengekalkan CBT bagi kampung-kampung yang terlibat. Terdapat beberapa program yang menggunakan pendekatan latihan dan program *mentor-mentee* boleh dijalankan bagi meningkatkan kemahiran penduduk desa di Johor Utara. Contoh latihan dan program mentor-mentee yang boleh dijalankan adalah seperti jadual berikut.

Contoh latihan dan program mentor-mentee yang boleh dijalankan adalah seperti jadual berikut.

- i. Kursus Asas Perniagaan secara Digital
- ii. Latihan Pengurusan Homestay dan CBT
- iii. Latihan *Community 2 Community*
- iv. Latihan Kemahiran Bahasa Pelancong (*English, Jepun, Korea & China*)
- v. Kursus *housekeeping, Standard of Procedure (SOP)*, norma baru dan *Hospitality*

Rajah 4.24: Contoh Rangka Kerja Bagi Program Mentor-Mentee bagi Kapasiti Bangunan (*Capacity Building*)




Sumber: Ubahsuai dari MOTAC dan TPRG, 2017



Foto: Antara seminar dan kursus-kursus yang dijalankan bagi perkongsian ilmu dan meningkatkan pengetahuan
Sumber: Laman web kursuspengendalimakanan.net dan [web pubiperak.com](http://pubiperak.com)

Rajah 4.25: Rangka Kerja Menaik Taraf (*Scaling-Up*) Program Inap Desa melalui Perkembangan Perkhidmatan dan Kedalaman Pengalaman Pelancong



Sumber: MOTAC dan TPRG, 2017

Bagi meningkatkan kedalaman pengalaman *homestay* (*Breath*), serta menarik pelancong yang mempunyai pelbagai latar belakang, variasi *kampungstay* perlu diterapkan sebagai pilihan terutama bagi pasaran domestik. Ini juga dapat mengelakkan daripada kemunculan *homestay-homestay* tidak berdaftar, agar pemilik *kampungstay* ini juga dapat mendaftar sebagai peserta di bawah MOTAC. Antara variasi konsep *Kampungstay* yang boleh diterapkan adalah:

Rajah 4.26: Variasi Konsep *Kampungstay* yang boleh diterapkan



Penanda Aras Kajian

Homestay Kg Lonek, terletak di Jempol Kikir, Negeri Sembilan. Kampung ini dibuka pada kurun ke 19 oleh sekumpulan peneroka. Bermula tahun 2004 Homestay Kg Lonek memenangi Anugerah Desa Cemerlang peringkat Negeri Sembilan dan pada Tahun 2016 memenangi ASEAN Standard Homestay di Manila Filipina.

Lebih daripada 20 anugerah yang telah dimenangi oleh Homestay Lonek yang menjadikan kawasan desa disini lebih baik dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan.



Foto: Pintu Gerbang Kampung Lonek, Negeri Sembilan
Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

Terdapat seramai 32 orang pengusaha *homestay* yang menawarkan 69 buah bilik penginapan. *Homestay* Lonek menawarkan pakej dan aktiviti yang menarik sehingga dapat meninggalkan memori indah kepada para pelancong yang pernah menginap di *Homestay* Lonek.

Terdapat seramai 32 orang pengusaha *homestay* yang menawarkan 69 buah bilik penginapan. *Homestay* Lonek menawarkan pakej dan aktiviti yang menarik sehingga dapat meninggalkan memori indah kepada para pelancong yang pernah menginap di *Homestay* Lonek. Pakej penginapan yang ditawarkan oleh *Homestay* Lonek adalah tinggal bersama keluarga angkat dengan). Keputusan yang diambil oleh para pengusaha *Homestay* Lonek untuk mengusahakan perniagaan tersebut melalui koperasi adalah amat tepat kerana pelbagai aktiviti tambah nilai dapat ditawarkan kepada pakej *homestay* antaranya menyediakan kenderaan seperti van dan trem bagi kemudahan pengangkutan pelancong, penternakan lebah kelulut, perkhemahan dan penyediaan makanan.

Antara aktiviti yang terdapat di *Homestay* Lonek



Foto: Aktiviti Jelajah Kampung Menaiki Trem
Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021



Foto: Aktiviti Mengacau Dodol dan Mengoca Ikan
Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021



Foto: Aktiviti Memasak Emping Padi
Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

Jadual 4.3: *Homestay* Sedia ada dan yang Berpotensi

Daerah		Nama Kampung
Muar	Kg. Sedia Ada	1. Homestay Kampung Lenga, Pagoh
		2. <i>Homestay</i> Sarang Buaya, Semerah
		3. <i>Homestay</i> Kampung Parit Bugis
	Kg. Berpotensi	4. Kg. Olak Sepam
		5. Kg. Paya Redan
		6. KOA Batang Lesa
		7. KOA Searak Api
Segamat	Kg. Sedia Ada	8. <i>Homestay</i> Smilian, Felda Tenang, Labis
	Kg. Berpotensi	9. Kg. Sermin
		10. Kg. Bekok
		11. KOA Kudung
		12. KOA Ulu Juasseh
Tangkak	Kg. Sedia Ada	13. <i>Homestay</i> Kampung Sagil
	Kg. Berpotensi	14. Kg. Serom
		15. Kg. Sawah Ring
		16. Kg. Teluk Rimba
		17. KOA Air Tawas

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021



Foto: Teratak Mak Kampung di Dearah Tangkak


Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021



Foto: Rumah *Homestay* yang terdapat di Dearah Muar

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

Rajah 4.27: Cadangan Penaiktarafan (*Scaling-Up*) Program Homestay, Kampungstay dan Desastay, Daerah Muar




Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

PETUNJUK:

- | | |
|--------------------|-------------------------------|
| ● | Taburan Kampung Daerah Muar |
| [Red Dashed Box] | Sempadan Fasa 3 (Johor Utara) |
| [Blue Dashed Box] | Sempadan Daerah |
| [Black Dashed Box] | Sempadan Negeri |
| [Green Line] | Lebuhraya PLUS |
| [Yellow Line] | Rangkaian Jalan Raya |
| [Black Line] | Laluan Kereta Api |
| [Light Blue Box] | Laut |
- Homestay Sedia Ada

Cadangan Homestay

Rajah 4.28: Cadangan Penaiktarafan (*Scaling-Up*) Program Homestay, Kampungstay dan Desastay, Daerah Segamat




PETUNJUK:

- Taburan Kampung Daerah Segamat Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)
- Sempadan Daerah
- - - Sempadan Negeri
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021



Rajah 4.29: Cadangan Penaiktarafan (*Scaling-Up*) Program Homestay, Kampungstay dan Desastay, Daerah Tangkak



PETUNJUK:

- Taburan Kampung Daerah Tangkak
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)
- Sempadan Daerah
- - - Sempadan Negeri
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Homestay Sedia Ada
- Cadangan Homestay

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021